

PM doakan kesembuhan Muhyiddin

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob. FOTO arkib NSTP

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menzahirkan keprihatinan terhadap kesihatan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dijangkiti Covid-19, hari ini.

Ismail Sabri berkata, beliau berharap Pengerusi Majlis Pemulihan Negara itu segera sembuh.

"Didoakan agar Allah SWT memberi kesembuhan dan melindungi YB (Yang Berhormat) Tan Sri (Muhyiddin) sekeluarga," katanya menerusi Twitter merujuk kepada ciapan Muhyiddin di Twitter rasminya.

Terdahulu Muhyiddin memaklumkan beliau positif dan berada dalam keadaan baik serta hanya bergejala ringan selepas membuat ujian Reaction Transcription Polymerase Chain Reaction (RT-PCR).

Dalam hantaran di media sosial rasminya itu, bekas Perdana Menteri itu turut memohon orang ramai mendoakan kesihatan beliau dan keluarganya.

Disiarkan pada: Februari 9, 2022